

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 23 JUN 2014 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Makmal Metrologi SIRIM	Utusan Malaysia
2.	PM Felo Kehormat Akademi Sains Malaysia	Utusan Malaysia
3.	Pusingan kedua musim panas lebih berisiko	Berita Harian
4.	Langkah bersepadu tingkat sumber bekalan air	Sinar Harian
5.	Bersedia hadapi El Nino	Sinar Harian
6.	Asap kenderaan, kilang faktor jerebu	Sinar Harian
7.	Port Klang records unhealthy API readings	The Star
8.	Oil palm braces for drought	The Star
9.	Strong winds, rough seas	The Sun
10.	Cari publisiti murah	Sinar Harian
11.	M-dagang dijangka meningkat kukuh	Sinar Harian
12.	Activist group arrested at Lynas plant	The Star
13.	16 aktivis Himpunan Hijau ditahan	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (MEGA S&T) : MUKA SURAT 5  
TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

SAINS • TEKNOLOGI • INOVASI

# S&T

■ ISNIN 23. 06. 14  
■ UTUSAN MALAYSIA



## Makmal Metrologi Sirim

Mengesahkan pengukuran tepat untuk  
dirujuk oleh agensi dalam negara

**P**ERNAH anda sebagai pengguna terfikir bahawa  
sekilogram tepung yang dibeli memang berat  
seperti yang anda inginkan atau kurang daripada  
itu. Apabila melihat ke jam dinding, jam tangan  
untuk mengetahui masa sebenar ketika itu, benarkah  
jarum jam atau angka menunjukkan waktu sebenarnya  
atau mengikut piawaian.

>> BERSAMBUNG MUKA 6 & 7

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA S&T) : MUKA SURAT 6 TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

## MegaSains

### Fakta

- NML ditubuhkan pada 1976 di bawah SIRIM.
- Berfungsi sebagai sebuah badan rujukan standard pengukuran dalam unit SI bagi jisim (berat), panjang, masa, suhu, kerintangan, voltan, cahaya dan mol.
- Terletak di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang berkeluasan 10 hektar.
- **Fungsi-fungsi utama NML**
  - Menyelaras Sistem Pengukuran Kebangsaan.
  - Membangunkan dan menyelenggara standard-standard rujukan pengukuran kebangsaan.
  - Menyediakan perkhidmatan pengukuran sah untuk peralatan pengukuran yang digunakan dalam penguatkuasaan undang-undang.
  - Menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi pengukuran.
  - Bekerjasama dengan organisasi-organisasi antarabangsa.
  - Menawarkan latihan dan khidmat runding kepada makmal-makmal industri, kerajaan dan institusi pengajian tinggi.
  - Agensi dan jabatan yang sering menggunakan khidmat NML.
  - Kementerian Perdagangan dalam Negeri koperasi dan kepenggunaan (KPDNKK).

SEORANG tukang masak misalnya memerlukan ukuran tepat bagi memastikan masakannya sedap. Apakah ramuan-ramuan-atau-bahan yang diperlukan dan tidak kurang pentingnya ialah banyak mana bahan tersebut perlu dimasukkan dalam aduan bagi menjadikan kek anda sedap.

Ketika anda menempah baju atau seluar, ukuran tepat perlu digunakan supaya mengikut saiz badan. Demikian penting sukatan atau ukuran yang tepat dalam kehidupan manusia.

Di Malaysia terdapat satu makmal yang menentukan ukuran dan waktu standard sebagai standard rujukan untuk penggunaan dalam pelbagai bidang.

Makmal Metrologi Kebangsaan (NML) ini ditubuhkan di bawah Sirim Berhad dan pada 15 Februari tahun 2008 dan ia dilantik sebagai Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan di bawah Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Metrologi bermaksud sains pengukuran dan di bawah NML standard-standard utama pengukuran kebangsaan yang diselenggarakan ialah jisim, panjang, masa, waktu, cahaya, rintangan, voltan dan standard-standard pengukuran bidang kimia.

Standard-standard sekunder bagi pengukuran beban, tekanan, tenaga, kapasitan, kelembapan, bendalir dan lain-lain dibangunkan berasaskan kepada standard-standard utama tersebut.

Mengapa pengukuran tepat penting? Paling penting ialah Penguatkuasaan Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 yang mencatatkan sejarah penting kepada negara.

**PENENTUAN** ketepatan sesuatu alatan elektronik itu boleh dilakukan di makmal NML.



SEORANG pegawai menggunakan alat untuk menentu ukur bahan.



BAGAIMANAKAH kita boleh mengetahui ketepatan sesuatu alatan jika tidak menjalani ujian menentu ukur?



# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA S&T) : MUKA SURAT 7 TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

Ini kerana buat kali pertama setiap pengukuran kuantiti boleh diukur dalam pelbagai bidang sama ada perdagangan, kesihatan, keselamatan, sains dan kualiti alam sekitar yang merujuk kepada unit sistem pengukuran antarabangsa iaitu SI.

Ukuran yang berdasarkan kepada standard rujukan itu penting dalam konteks nasional kerana kuantiti-kuantiti boleh diukur itu haruslah dihubungkan atau mempunyai pengesanan kepada standard-standard pengukuran kebangsaan yang diselenggarakan oleh NML.

Lebih penting, penggunaan-penggunaan unit pengukuran antarabangsa dan standard pengukuran terkini diperlukan untuk memudahkan perdagangan dan menjadikan produk negara ini lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Pada masa sama kebolehsesanan racun serangga di dalam produk



**DR. OSMAN ZAKARIA**

minuman seperti teh atau paras antibiotik pada ikan dan udang pada tahap bahagian per juta (ppm) atau bahagian per bilion (ppb) memerlukan penghasilan bahan rujukan kimia (Certified Reference Materials) bagi menjamin kualiti hidup pengguna.

Oleh itu adalah jelas penggunaan peralatan dan meter-meter pengukuran yang tepat untuk aktiviti percubaan ke atas sumber asli seperti air, gas, petroleum dan kayu balak.

Bayangkan sekiranya sistem pengukuran ini tidak tepat dan tidak ada piawaian, maka, ada kemungkinan produk eksport negara tidak diterima.

Sebarang ralat yang wujud akibat kesilapan instrumen yang tidak di tentukan (calibration) menyebabkan pengukuran menjadi tidak tepat.

Ini akan menyebabkan produk dan perkhidmatan yang tidak berkualiti terutama yang melibatkan kesihatan dan keselamatan.

Ini boleh berlaku jika ukuran sesuatu proses pembuatan produk tidak menepati piawaian dan spesifikasi manakala kerajaan akan rugi daripada



**SEORANG staf NML menunjukkan cara menggunakan alat yang terdapat di makmal tersebut.**



**PANDANGAN hadapan bangunan yang menempatkan makmal.**

**SainsMega**



**ANTARA alatan yang digunakan untuk melakukan ujian tentu ukur di Makmal Metrologi Kebangsaan (NML).**

## Sambutan Hari Metrologi Sedunia

**SAMBUTAN** Hari Metrologi Sedunia penting bagi mendedahkan kepada masyarakat tentang kepentingan menyediakan perkhidmatan tentukan dan tentusahan yang kebolehsesannya sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sebanyak lapan makmal NML dibuka kepada orang ramai bagi memberi peluang mendekati dan mempelajari dengan lebih mendalam apa itu bidang metrologi dan bagaimana metrologi dapat menyumbang kepada kehidupan seharian.

Hari Metrologi Sedunia yang disambut serentak dengan 17 negara lain setiap 20 Mei itu adalah sempena memperingati Konvensyen Meter 1875.

Tarikan utama hari terbuka itu termasuk peluang kepada orang ramai untuk melawat makmal berkaitan keseragaman pengukuran sedunia, antaranya, Makmal Pengukuran Kelembapan Padi dan Beras yang baharu diwujudkan.

Padi dan beras merupakan komoditi negara justeru bagi menentukan harga berat bersih bahan makanan tersebut amat penting bagi membantu pesawah dan pengilang menentu usahakan meter kelembapan beras di dalam padi bagi mendapatkan harga yang berpatutan. Antara makmal lain yang dibuka pada hari itu adalah, Makmal Termometri Radiasi, Makmal Kelembapan Udara dan Makmal Gas.

Antaranya proses tentukan standard jisim di Makmal Jisim telah kelas Eisehingga kelas M1 mengikut cara yang telah diperuntukkan dan ianya juga turut diselenggarakan dengan sebaiknya.

Standard jisim di sini turut dijadikan rujukan kepada makmal akreditasi, agensi kerajaan dan juga pihak industri malahan juga kepada makmal di luar negara dan untuk pengetahuan, Makmal Jisim telah dibangunkan sebagai penjaga kepada standard jisim Malaysia sejak tahun 1970an lagi.



### Agensi kerajaan yang terlibat

- Kastam dan Eksais Diraja Malaysia (KDRM) - Percubaan sumber asli seperti gas dan petroleum.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM) - Penguatkuasaan undang-undang had laju, cermin gelap, kandungan alkohol dalam darah.
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) - Penguatkuasaan Undang-undang cermin gelap, pelepasan asap kenderaan, ketepatan meter teksli.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS) - Akta Kualiti Alam Sekeliling.
- Badan-badan penyiaran - Ketepatan waktu (jam).
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) - ketepatan meter air.
- Jabatan Standard Malaysia - Makmal-makmal pengujian dan tentukan di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia bergantung kepada NML untuk menentukan peralatan dan standard mereka.
- Institusi-institusi Pengajian Tinggi - pendedahan bidang pengukuran kepada tenaga pengajar dan pelajar.

segi cukai sekiranya nilai ukuran sumber asli yang perlu dicukai tidak tepat.

Rujukan perlu dilakukan di Biro Antarabangsa Bagi Timbang dan Sukat atau BIPM di Paris, Perancis sebagai sumber rujukan piawaian ukuran di seluruh dunia.

Pengurus Besar Kanan, Bahagian Kajian dan Teknologi Inovasi, NML-SIRIM, Dr. Osman Zakaria berkata, sesuai dengan fungsi badan tersebut yang ditugaskan sebagai pemantau kualiti, penubuhan makmal tersebut adalah bagi memudahkan proses-proses penentu ukur alatan piawaian, ukuran dan sukatan yang mana amat penting pada masa kini.

"SIRIM merupakan antara badan yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara kualiti dan rujukan terhadap alat-alat penentu ukur di seluruh negara bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku terutamanya dalam bidang kesihatan dan keselamatan.

"Cuba anda bayangkan jika alatan yang digunakan di bidang perubatan tidak tepat ia pasti akan memberikan kesan yang negatif kepada pesakit apabila ubat-ubatan yang diberikan tidak mengikut dos yang sepatutnya.

"Malah, pengukuran seperti panjang, lebar dan tinggi adalah sangat penting dalam kehidupan yang melibatkan pelbagai aktiviti seharian seperti jual beli, pembinaan dan pembuatan yang menggunakan pelbagai alat pengukur dan sukatan, justeru tanpa ukuran dan sukatan yang tepat pasti akan melibatkan kerugian," katanya ketika ditemui di NML-SIRIM, Sepang, Selangor baru baru ini.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 9**  
**TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)**



**MOHD. YUSOFF  
SULAIMAN**



**DR. MUSA AHMAD**



**DR. BAHARUDDIN  
YEOP MAJLIS**



**DR. ABDUL LATIF  
MOHMOD**



**DR. YAP KOK SENG**



**DR. MOHD. YUSOF  
OTHMAN**

## **PM Felo Kehormat Akademi Sains Malaysia**

PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dilantik sebagai felo kehormat Akademi Sains Malaysia (ASM) kerana sokongan kuat beliau ke arah memajukan sains dan teknologi.

Dalam satu kenyataan, ASM berkata sains dan teknologi menjadi tonggak program transformasi ekonomi negara.

Menurut kenyataan itu, 21 orang diumumkan sebagai felo baharu pada mesyuarat agung tahunan ke-19 ASM baru-baru ini.

Katanya, mereka termasuk bekas Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Dr. Yap Kok Seng, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Naib Canselor Universiti Teknologi Petronas, Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim.

Tokoh lain ialah Prof. Dr. Agamutu Pariatamby daripada Universiti Malaya, Prof. Dr. Jinap Selamat, Prof. Dr. Shamsuddin Jusop dan Prof. Dr. Tan Soon Guan dari Universiti Putra Malaysia.

"Mereka dipilih sebagai felo kerana sumbangan cemerlang masing-masing dalam bidang biologi, sains pertanian dan alam sekitar di negara ini," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Prof. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Prof. Datuk Dr. Abdul Wahab Mohammad, Prof. Datuk Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Prof. Datuk Dr. Burhanuddin

Yeop Majlis dan Ir. Lalchand Gulabrai pula dilantik kerana sumbangan mereka dalam bidang kejuruteraan dan sains komputer.

Prof. Dr. Jamunarani S Vadivelu, Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof, Dr. Teo Soo Hwang dan Prof. Dr. Wan Azman Wan Ahmad pula diberi pengiktirafan kerana sumbangan dalam bidang sains perubatan dan kesihatan.

Kata kenyataan itu lagi, mereka yang juga dilantik sebagai felo baharu ASM ialah Prof. Dr. Mohd. Yusof Othman dan Prof. Dr. Ng Kwan Hoong kerana sumbangan mereka dalam bidang matematik, fizik dan sains tanah.

Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Prof. Dr. Noorsaadah Abd. Rahman pula dilantik kerana sumbangan dalam disiplin sains kimia.

Seorang lagi felo iaitu Dr. Mohd. Yusoff Sulaiman dari Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dilantik untuk mewakili industri.

Presiden ASM, Tan Sri Dr. Tajuddin Ali berkata, antara ciri menarik akademi itu ialah ia boleh digunakan dengan berkesan untuk membuat penilaian saintifik secara bebas.

"Seperti yang dipamerkan oleh rakan akademi kami di seluruh dunia, ada ketikanya, kerajaan memerlukan nasihat saintifik bebas tentang perkara berkaitan kepentingan negara," katanya.

FENOMENA EL NINO

# Pusingan kedua musim panas lebih berisiko

» 400 kes  
kebakaran  
hutan sehari  
dijangka  
akibat kemarau  
panjang



Oleh M Hifzuddin Ikhsan,  
Suzalina Halid, Syalika Sazili,  
Fahmi Yusof, Nazwin Nazri,  
Yahya Awang dan Siti  
Nursyazwani Mahallil  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Negara dijangka berdepan kebakaran hutan dan belukar sehingga lebih 400 kes sehari, akibat kemarau panjang, yang melanda negara susulan fenomena El Nino.

Kesihatan orang ramai juga boleh terjejas, jika terdedah kepada jerebu dan cuaca panas kering mencecah 36 darjah Celsius secara berterusan, boleh menyebabkan tubuh manusia mengalami kejut.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd

Nor Ibrahim, berkata sepanjang musim kemarau yang melanda antara Februari hingga April lalu, pihaknya menerima panggilan kebakaran antara 300 hingga 400 sehari.

Katanya, Selangor, Johor, Pahang dan Perak dijangka terus

“Pusingan kedua musim panas dan kemarau yang mula melanda negara ketika ini, dianggap lebih berisiko kerana tempohnya lebih panjang dan faktor bulan puasa menyebabkan anggota Bomba dan Penyelamat berdepan situasi mencabar.

**Wan Mohd Nor Ibrahim,**  
Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat

menjadi antara lokasi berisiko berdepan kebakaran hutan dan belukar yang tinggi dan ada antaranya mengambil masa lebih sebulan untuk dipadamkan.

“Pusingan kedua musim panas dan kemarau yang mula melanda negara ketika ini, dianggap lebih berisiko kerana tempohnya lebih panjang dan faktor bulan puasa menyebabkan anggota Bomba dan Penyelamat berdepan situasi mencabar.

**Perlu peralatan tambahan**

“Namun, kita mempunyai anggota mencukupi dan berpengalaman luas, namun peralatan seperti hos, dan pam tambahan diperlukan segera kerana jumlah sedia ada tidak mencukupi,” katanya ketika dihubungi semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata negara sudah mula berhadapan fenomena pemanasan

suhu permukaan laut yang menyebabkan musim kering teruk yang boleh berlarutan hingga Ogos.

“Kita sudah bersedia menghadapi El Nino dan sentiasa memantau perkembangan cuaca semasa yang mula menunjukkan aliran cuaca panas kering sejak beberapa beberapa hari lalu.

“Tempoh Jun hingga September tahun ini adalah musim kering negara ini,” katanya.

**Bincang krisis air**

Sementara itu, kerajaan akan mengadakan mesyuarat khas dalam tempoh terdekat bagi membincangkan krisis air yang dijangka dihadapi negara, susulan fenomena El Nino.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata selain status terkini bekalan air mentah negara, mesyuarat dipengerusi-

INFO

**Fenomena El Nino**

- ⊕ Fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berurut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.
- ⊕ Ia terbentuk apabila arus laut panas mengantikan arus laut sejuk di luar pantai Peru, Amerika Selatan sehingga menyebabkan peningkatan haba dan kesan dirasai banyak negara termasuk Asia Tenggara.
- ⊕ El Nino pernah melanda Malaysia sebanyak 12 kali antara 1951 hingga 1998 dengan kejadian terburuk pada 1982, 1983, 1997 dan 1998.
- ⊕ El Nino menjadi punca jerebu teruk di Malaysia pada 1997 dan 1998.
- ⊕ Fenomena juga menyebabkan kemarau ketika Monsun Barat Daya (Jun-Ogos) dan Monsun Timur Laut (November-Februari) di Malaysia Timur manakala Monsun Barat Daya saja.

kan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dijangka turut membincangkan kaedah terbaik berdepan El Nino.

Beliau berkata, semua negeri sudah diminta menyerahkan laporan terkini mengenai status bekalan air mentah negeri dan hasilnya, mesyuarat untuk membincangkan mengenainya diadakan.

Media sebelum ini melaporkan, kadar pembentukan fenomena El Nino kini sudah mencapai 65 hingga 80 peratus dengan pejabat kaji cuaca United Kingdom (UK) memramalkan kemungkinan besar fenomena itu melanda Asia Tenggara pertengahan tahun ini.

Pakar kaji cuaca tempatan belum dapat memastikan kesan tempas El Nino terhadap Malaysia, namun jika berlaku ia kemungkinan menyebabkan negara mengalami musim kemarau panjang selama enam bulan.



Kebakaran hutan seluas 40 hektar di Pulau Kempas, Sepang.



Kedudukan jerebu di Kuala Lumpur yang ditimbulkan dari Mahang Mahabank pada jam 1:15 petang, semalam. FOTO SABIEN SAPIA/BH

KERATAN AKHBAR  
SINAR (EL NINO) : MUKA SURAT 14  
TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

## Langkah bersepadu tingkat sumber bekalan air

EXCO Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, kerajaan negeri menjalankan beberapa inisiatif bagi menghadapi El Nino antaranya pelepasan air dari kolam alternatif dan pengepaman semula air dari Sungai Selangor.

Menurutnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 23 April lalu meluluskan peruntukkan sebanyak RM10 juta bagi membina infrastruktur untuk kerja-kerja mengepam air dari bekas lombong atau kolam sekitar Lembangan Sungai Selangor ke Sungai Selangor.

"Peruntukan ini termasuk membeli pam-pam berkeupayaan tinggi bagi memastikan kerja pengepaman memberi kesan maksimum dan mampu meningkatkan paras air

di Sungai Selangor.

"Sebanyak 26 bekas lombong dikenal pasti di negeri ini dan sembilan melibatkan penyaluran ke Sungai Selangor dan kebanyakannya merupakan bekas lombong bijih timah yang telah berusia lebih 20 tahun.

"Infrastruktur ini juga akan digunakan bagi mengepam air Sungai Selangor ke kolam takungan apabila paras air sungai mencapai paras normal sebagai persediaan menghadapi musim kering berlanjutan yang diramal akan berlaku antara awal Jun hingga September tahun ini," katanya.

Jelasnya, kerajaan negeri telah membuat



AHMAD YUNUS

persediaan awal menghadapi fenomena dengan mengenal pasti dan melengkapkan kemudahan pam bagi sembilan kolam alternatif di sepanjang Sungai Selangor yang terletak di hulu mula sauk.

"Sebanyak 20 pam alternatif berkapasiti 48 juta liter sehari (JLH) ditempatkan di semua kolam alternatif untuk membekalkan 960 JLH.

Buat masa ini beberapa kolam alternatif tersebut sedang di isi dengan air dari Sungai Selangor yang di pam masuk ketika paras air sungai tinggi," katanya.

Yunus berkata, bagi meningkatkan

takungan operasi, pembenihan awan bagi kawasan tadahan di negeri ini telah dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) bersama Jabatan Meteorologi sejak 27 Mac hingga 11 Jun sebanyak 39 kali dan akan diteruskan sehingga hujung tahun ini.

Beliau berkata, Luas sebagai koordinator yang akan memberi arahan mengikut paras kapasiti air di sungai kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang ditugaskan mengawas pengepaman air ke sungai manakala Jabatan Pengairan dan Saliran mengawal kemasukan air dari sungai ke lombong.

"Luas akan memberi tugas berdasarkan keperluan. Berapa lama mengepam dan berapa juta meter padu sehari perlu dikeluarkan daripada kolam ke sungai atau sungai ke kolam," katanya.

# KERATAN AKHBAR SINAR (EL NINO) : MUKA SURAT 12 TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

## FENOMENA EL NINO

SITI ZUBAIDAH MAT ISA, NORAWAZNI YUSOF, HABSAH ISMAIL, RIDAUDDIN DAUD, SITI KHAIRULNISAH MOHAMMED BAJURI, SITI SAFA MOHD NOR, NURUL AINI MOHAMED ALI, SITI FATIHAH AWANG, AZIZAN INCHE HARUN, AZLINA OTHMAN, SITI NOOR SEPPEE & KAMARUL HALIM M KAMAL

**B**ermula Jun sehingga September, Malaysia dijangka mengalami musim El Nino, di mana cuaca akan panas dan kering.

Ada di antara kita yang sudah mempunyai persediaan untuk menghadapi fenomena ini, namun masih ramai yang belum menyedari ancamannya.

Kesan El Nino bukan hanya melibatkan masalah kemarau tetapi melibatkan pelbagai aspek termasuk masalah bekalan air, kesuburan tanaman dan jerebu.

### Pengeluaran padi boleh terjejas

Pengeluaran padi negara boleh terjejas sekiranya fenomena El Nino berterusan dalam jangka masa panjang.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Datuk Dr Sharif Haron berkata, sekiranya fenomena berpanjangan hingga lebih dua bulan, pengeluaran padi boleh terjejas sehingga 10 peratus.

"Secara teori jika pengeluaran padi berjumlah 1.2 juta tan metrik setahun, pengurangan 10 peratus adalah bersamaan dengan 120,000 tan metrik.

"Berdasarkan rekod, ketika fenomena sama melanda negara sekitar 2009, telah menyebabkan pengeluaran padi negara berkurangan sehingga 5.7 peratus tan metrik," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Sharif, peningkatan suhu walaupun satu darjah Celsius tetap memberi kesan kepada pengurangan hasil tanaman padi iaitu antara sembilan dan 10 peratus.

Katanya, padi merupakan tanaman sensitif dan memerlukan bekalan air yang banyak bermula dari proses menanam sehingga menuai.

"Fenomena El Nino akan memberi kesan terhadap peningkatan suhu dan menyebabkan kemarau, sekali gus mengurangkan hujan yang menjadikan bekalan air turut berkurangan.

## Bersedia hadapi El Nino?



SIRI AKHIR

Jerebu akan berlaku dalam musim El Nino jika pembakaran terbuka tidak dikawal dengan baik.

"Kekurangan air akan menyebabkan keadaan kering dan berjerebu. Keadaan berjerebu pula akan menyebabkan suhu meningkat, sekali gus menjejaskan keupayaan pokok melakukan proses fotosintesis, iaitu proses membuat makanan oleh tumbuh-tumbuhan dengan adanya cahaya matahari dan klorofil (zat hijau)," katanya.

Bagaimanapun menurutnya, berbekalkan teknologi penyelidikan, Mardi sentiasa mempelbagaikan jenis padi yang tahan dengan cuaca panas selain mendirikan tiub roda di kawasan tanaman padi bagi memastikan bekalan air mencukupi.

"Selain itu perubahan jadual tanaman padi juga dapat membantu dalam memastikan bekalan padi sentiasa mencukupi," katanya.

Namun, fenomena El Nino, dijangka tidak akan menjejaskan bekalan beras negara dan rakyat tidak perlu

bimbang kerana stok simpanan beras mencukupi.

### Kada, Mada diarah buat persiapan awal

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membina perigi tiub sebagai langkah awal membantu pesawah bagi menghadapi El Nino yang dijangka melanda negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Tajuddin Abdul Rahman berkata, peruntukan RM15 juta dibuat bagi membina perigi itu untuk menjamin bekalan air mencukupi.

"Kita arahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan lain-lain membuat kajian di kawasan pernah terjejas oleh El Nino dan membuat persiapan asal dengan membina perigi tiub.

"Perigi tiub atau *tube well* ini ada-

lah satu kaedah mendapatkan sumber bumi dan menggunakan air ke sawah-sawah bagi musim kemarau dan El Nino," katanya.

Tajuddin berkata, pembinaan perigi tiub itu melibatkan kos RM200,000 setiap satu dan akan dibina dalam masa terdekat.

"Tidak rugi kita bina perigi tiub kerana banyak manfaat, termasuk kegunaan di sawah sekalipun kemarau atau El Nino tidak berlaku. Ia bukan pembaziran kerana masih boleh digunakan orang kampung," katanya.

### Pantau pembakaran terbuka

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pula menggesa kerajaan negeri dan kerajaan tempatan memantau kawasan yang mudah terbakar bagi mengelak pembakaran terbuka semasa fenomena El Nino. Menteri, Datuk Seri G Palanivel berkata, pemantauan perlu dibuat secara rapi bagi mengelak berlakunya pembakaran terbuka khususnya di kawasan yang sensitif.

Beliau turut mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya menjalankan penguatkuasaan tegas dalam usaha mambanteras aktiviti pembakaran ini.

"Mana-mana individu yang berjaya ditangkap mereka akan di bawah mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling," katanya.

Palanivel berkata, sebagai persediaan menghadapi fenomena El Nino, JAS telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka di seluruh negara pada Februari lalu.

"Pelan tindakan ini meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang

telah dikenal pasti mudah terbakar.

"Jadi dalam hal ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan dan sentiasa mengawal rapi serta memastikan tapak-tapak pelupusan tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu," katanya.

### Bomba sudah siap sedia

Jabatan Bomba dan Penyelamat sudah bersedia sepenuhnya dalam menghadapi musim panas atau El Nino yang sudah melanda negara ini sejak awal Jun lalu.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pihaknya sudah bersedia untuk menambah kekuatan anggota bagi menghadapi fenomena ini jika berlaku kes kebakaran.

"Setakat ini, kita belum lagi terima aduan kes kebakaran akibat cuaca panas. Yang kita selalu terima kes adalah dari kecuaiian manusia sendiri yang membuat kebakaran terbuka hingga menyebabkan api merebak.

"Tetapi, kita tidak boleh salahkan fenomena El Nino kerana kebakaran adalah punca dari manusia dan dengan cuaca yang kering sekarang ini, jika berlaku kebakaran kecil sekalipun, ia mampu bertukar menjadi serius," katanya.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan sudah bersedia bagi menghadapi fenomena El Nino yang dijangka melanda beberapa kawasan hingga Julai ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Abdul Jalil Ishak berkata, pihaknya telah membuat persediaan awal sebagaimana persediaan menghadapi musim kemarau yang teruk bermula Januari hingga April lalu.



Sawah padi dijangka kering jika El Nino melanda.



# KERATAN AKHBAR SINAR (EL NINO) : MUKA SURAT 12 TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

## FENOMENA EL NINO

"Kita sudah bersedia dan diberikan taklimat mengenai fenomena ini oleh Jabatan Meteorologi yang diadakan di Ibu Pejabat Bomba Putrajaya, awal Jun lalu.

"Malah, pihak meteorologi juga menjangkakan ia berlaku pada April hingga Julai ini tetapi Alhamdulillah, sehingga kini keadaan masih terkawal dan cuaca mengizinkan, apa yang penting kita sentiasa bersedia menghadapi fenomena El Nino di Kelantan," katanya.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor juga sentiasa bersedia menghadapi pelbagai bencana termasuk fenomena El Nino.

Pengaruhnya, Datuk Ab Ghani berkata, kesan daripada fenomena panas dan kering dijangka mampu menyebabkan pembakaran terbuka khususnya di kawasan berisiko seperti belukar dan tanah gambut.

Selain pembakaran terbuka katanya, pihak bomba turut berhadapan dengan cabaran untuk memadamkan kebakaran khususnya di kawasan belukar akibat kekurangan air kesan daripada cuaca panas berterusan.

### Minum air banyak untuk hadapi El Nino

Orang ramai dinasihatkan supaya mengutamakan kesihatan dengan memperbanyakkan minum air masak dan minum secara berkala.

Pengarah Kesihatan Johor, Dr Mohd Khairi Yakub berkata, minum air secara kerap dan bukannya hanya ketika haus.

"Jangan tunggu haus baru nak minum, sebaliknya minum air masak secara berkala.

"Kita juga boleh lihat warna air kencing, kalau pekat itu maknanya tak cukup air. Jadi perbanyakkan minum air sebelum ada tanda-tanda yang tidak sihat pada tubuh badan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sedang meneliti bilangan pesakit luar yang datang mendapatkan rawatan di klinik-klinik kesihatan di seluruh negeri ini dan jenis penyakit yang dihadapi.



**“ Tetapi, kita tidak boleh salahkan fenomena El Nino kerana kebakaran adalah berpunca daripada manusia dan dengan cuaca yang kering sekarang ini, jika berlaku kebakaran kecil sekalipun, ia mampu bertukar menjadi serius.”**

- Mohd Sani

Menurutnya, kesannya masih terlalu awal untuk dikesan memandangkan ada kawasan yang panas dan ada kawasan yang sejuk.

### Ramai belum simpan air

Walaupun menyedari musim kemarau bakal melanda negara ini, namun rata-rata penduduk yang ditemui masih belum membuat persediaan untuk menghadapinya.

Ramai di antara mereka yang belum menyimpan air bagi mengelak kekurangan bekalan itu.

Ketua Kampung Chuar Hulu, Lenggong, Basri Pandak Bad berkata, penduduk di kampungnya belum lagi mengumpul air dalam persediaan menghadapi El Nino.

"Mungkin juga kerana kedudukan kampung kami yang terletak berhampiran dengan Sungai Perahu menyebabkan penduduk masih lagi dalam keadaan selesa.

"Pada saya, keadaan masih terkawal dan di sini tidak terasa sangat. Cuma pada waktu tengah hari, cuaca agak panas," katanya.

Mohd Roshila Othman, 43, dari Kuala Kangsar pula berkata, keluarganya belum melakukan sebarang usaha mengumpul air kerana keadaan pada waktu ini masih terkawal.

Bagaimanapun, dia tetap bercadang mengumpul air dalam waktu terdekat kerana bimbang fenomena El Nino menjejaskan sumber air.

"Mungkin keadaan sekarang tidak begitu teruk jika dibandingkan dengan beberapa bulan lalu. Sungai Perak pun dilihat masih berada pada paras yang baik.

"Kawasan Kuala Kangsar berdekatan sumber air dan mungkin itu sebab penduduk masih tenang walaupun kemarau berlaku," katanya.

### Fobia catuan air

Cuaca panas dan kering berterusan hingga menyebabkan gangguan bekalan air sehingga berlaku catuan bekalan air turut menimbulkan kebimbangan rakyat termasuk mereka yang berada dalam bidang perniagaan dan industri.

Pengusaha pusat mencuci kenderaan, Zulianah Zulkifli, 33, menyatakan kebimbangan sekiranya masalah itu semakin serius akan menjejaskan perniagaannya yang menggunakan banyak air.

Menurutnya, namun dia bersedia menghadapi situasi itu dengan menyediakan tangki khas untuk menyimpan air bagi tujuan perniagaan.

"Saya tidak sanggup berhadapan situasi catuan air kerana air menjadi keperluan utama perniagaan ini. Saya sering menasihati pekerja supaya menggunakan air secara berhemah sebagai langkah penjimatan tetapi tidak mengabaikan kualiti perkhidmatan," katanya.

Bagi Hamizan Maspar, 39, dia se-

ring berdo'a agar fenomena El Nino tidak membuatkan ketidakelesaan ramai.

"Saya harap tidak berlaku catuan air kerana membebankan masyarakat untuk menguruskan kehidupan harian terutama mereka yang mempunyai anak kecil," katanya.

### Kesedaran rakyat tentang El Nino rendah

Kerajaan diminta membuat hebahan awal sekiranya berlaku gangguan bekalan air berikutan fenomena El Nino yang dijangka berlaku di negara ini.

Peniaga, Azman Abdullah, 42, berkata, hebahan awal penting untuk tujuan persediaan namun dia yakin kerajaan mampu menangani masalah itu.

"Saya mendapat tahu yang El Nino dijangkakan berlaku pada hujung tahun dan waktu itu biasanya dalam musim musim tengkujuh, sudah pasti hujan akan turun.

"Saya yakin bekalan air akan mencukupi ketika itu tetapi sebaiknya lebih baik kita bersiap-sedia," katanya.

Bagi Abd Kadir Abdullah, 33, pula mengandaikan sekiranya kesan El Nino kali ini lebih teruk daripada musim kemarau yang lalu, sudah pastinya harga barangan menjadi rebutan pengguna.

"Jika sebelum ini masa musim kemarau yang berlaku, di kedai saya beberapa barangan menyimpan air seperti tong air, baldi dan besen habis dijual selain sukar mendapat stok.

"Apabila berlakunya 'catuan air' akibat musim panas barangan berkenaan laris macam pisang goreng, dan apabila hebahan awal dilakukan, kami pekedai juga akan dapat bersedia," katanya.

Sementara itu, Mohaini Ahmad, 55, mengakui belum membuat persediaan untuk El Nino berkenaan, kerana masih belum ada pengumuman rasmi oleh kerajaan.

Katanya, buat masa ini hujan melanda, walaupun ada kalanya keadaan agak panas, selain tetap yakin yang bekalan air mencukupi untuk berhadapan dengan situasi berkenaan.

"Saya yakin yang catuan air tidak dilakukan kerana bekalan air tetap mencukupi," katanya.



Orang ramai dinasihatkan minum air secara kerap.

## Asap kenderaan, kilang faktor jerebu



Pelabuhan Klang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat setakat 10 pagi, semalam.

■ NORUTUL ILHAM MAD JARI

**SHAH ALAM-** Pelabuhan Klang mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tertinggi iaitu pada tahap tidak sihat berbanding kawasan lain di Selangor yang mencecah bacaan 107 sehingga petang semalam.

Berdasarkan laman sawang Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU kedua tertinggi pula direkodkan di Shah Alam iaitu pada paras 97 dan Petaling Jaya mencatatkan bacaan 91 yang meletakkan di paras sederhana.

Sementara itu, bacaan di beberapa kawasan di Selangor mencatatkan Banting (84), Kuala Selangor (81). Manakala

di Wilayah Persekutuan mencatatkan bacaan 82 di Cheras dan Batu Muda (90), sementara itu, Putrajaya (77).

Mengulas lanjut berkenaan perkara tersebut, Pegawai Jabatan Meteorologi, Ambun Dindeng berkata situasi itu berlaku disebabkan cuaca panas dan asap di kawasan sekitar.

"Jerebu mungkin diakibatkan oleh asap kenderaan, kilang, pembakaran terbuka dan pelbagai lagi ditambah pula keadaan cuaca sekarang yang panas dan kering.

"Sekiranya ada hujan, saya yakin jerebu dapat dikurangkan. Tapi memandangkan cuaca sekarang panas dan kering, kita tidak dapat elakkan masalah ini,"

katanya kepada *Sinar Harian*.

Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya orang ramai mengambil langkah keselamatan dengan mengurangkan aktiviti luar.

"Banyakkan minum air untuk berikan kesegaran kepada badan dalam keadaan cuaca panas dan jerebu.

"Jadikan juga amalan pemakaian topeng muka supaya udara yang kotor tidak masuk ke sistem pernafasan kita," ujarnya.

Sebagai panduan, bacaan IPU yang baik berada di antara 0-50, sederhana (51-100), tidak sihat (100-200), sangat tidak sihat (200-300) dan berbahaya (300>).

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 6  
TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)

**Dark skies:** The road on the Federal Highway in Shah Alam heading towards Kuala Lumpur being blanketed by haze.



## Port Klang records unhealthy API readings

By HEMANANTHANI SIVANANDAM  
hemananthani@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Unhealthy levels of air pollution were recorded in Port Klang while other areas in the country recorded moderate and good readings.

According to the Department of Environment's Air Pollutant Index (API) reading, Port Klang recorded a reading of 102 at 9am yesterday and gradually increased to 107 as of 4pm.

Malaysian Meteorological Depart-



ment spokesman Dr Hisham Mohd Anip said this was likely due to the weakening wind conditions, which might have caused the haze to remain stagnant.

"The dry weather has caused the dust and smoke to be suspended in the air. Strong wind for the past cou-

ple of weeks has dispersed them but the wind flow was probably weak yesterday," said Hisham when contacted.

Apart from Port Klang, Kampung Air Putih in Taiping and Seri Manjung in Perak recorded moderate readings of 98 and 95 respectively while

Shah Alam recorded a reading of 97 as of 4pm.

An API reading of between 0 and 50 is considered good; 51 to 100, moderate; 101 to 200, unhealthy; 201 to 300, very unhealthy; and 301 and above, hazardous.

Hisham said the haze condition is likely due to local pollution from activities such as smoke emitted from factories and vehicles, as well as lesser rainfall.

Hisham said no rainfall is expected until next week, except for local isolated rain in the inland areas.

# Oil palm braces for drought

If El Nino becomes a reality this year, it is set to affect palm oil production and supply, as well as global prices.

By LIM CHIA YING  
star2@thestar.com.my

**T**HE hot and dry spell experienced in the last few months had people wondering whether they were under the spell of the El Nino weather phenomenon.

Yet it appears that it was a false alarm, as the Malaysian Meteorological Department dismissed any such speculation, and the situation has since returned to some sort of normalcy over the past two months.

However, this respite may be short-lived, as experts are predicting that El Nino will hit us in the near future.

The palm oil industry is bracing itself for this imminent weather anomaly, where rainfall will be affected by the warming of the ocean.

It's a crucial time of the year for palm considering its dominance in the global oils and fats trade, and its emergence as the fastest growing edible oil worldwide, with an average growth of 7.3% per annum against the world's other big player, soybean oil, which grew just 3.3% per annum in the last decade.

And so much is dependent on the two biggest suppliers, Indonesia and Malaysia, who account for 51% and 34% of world palm oil production respectively.

That translates to about 58 million tonnes of crude palm oil, where even a 10% drop in yield in El Nino-inflicted cases can be catastrophic to supply worldwide, says Ling Ah Hong, director of Malaysian plantation consultancy and investment company Ganling.

"Weather is a key determinant in the supply equation of palm oil, and there has been below average rainfall in Indonesia, Malaysia and even Thailand (the world's third largest palm oil producer) in recent years and months.

"If you look at Indonesia, it has suffered from bad weather over the past three years," says Ling, who has over 30 years of experience in the plantation industry.

Ling was one of the speakers at a talk on El Nino - its effects and implications - organised recently by the Malaysian Palm Oil Council (MPOC) that gathered participants from various sectors of the industry.

Ling says the most recent El Nino drought in 2009/10 had caused a drop in the palm oil yield of about 6%. However, it is usually the supply of other oil seeds that get drowned first in any El Nino event, with the effect on palm oil not as immediate.

"Any effect on palm oil is only felt between six months and a year later, and this is usually followed by a spike in its prices due to the disruption in supply," notes Ling.

The last severe El Nino phenomenon took place about 17 years ago, between 1997 and 1998. If history is to be considered, a severe El Nino



Weather is a key determinant in the supply equation of palm oil, and there has been below average rainfall in Indonesia, Malaysia and even Thailand (the world's third largest palm oil producer) in recent years. - AFP



Ling Ah Hong, director of Malaysian plantation consultancy and investment company Ganling, says any effect of El Nino on palm oil supply can only be felt between six months to a year later, and this is usually followed by a spike in its prices due to the disruption in supply. - Malaysian Palm Oil Council



Malaysian Meteorological Department's National Climate Centre director Jailon B. Simon says while the strength of this El Nino remains unknown, most climate forecast models are predicting a weak to moderate one. - Malaysian Palm Oil Council

phenomenon would take place every 10 to 15 years, he adds.

"An El Nino-induced drought or prolonged dry weather conditions can be interpreted as having eight to 20 weeks of low rainfall, which will create moisture stress in palms. There will be a lagged effect on production after a El Nino occurrence - this means a drop in production caused by different factors in correlating time periods.

"They include bunch failure, which usually happens between four and six months, and palm floral abortion that can occur some 10 to 12 months later. At 22 to 24 months, the plant's sex differentiation process can also experience complications - this is where the palm will produce a higher proportion of male to female flowers, resulting in lower yield and production.

"Factoring all of the above, normal production may be reduced by as much as 30% depending on the severity of the drought."

He says that the prolonged dry weather situation from Perak to Johor as well as in Central and South Sumatra in mid 2013 and the first quarter of 2014 will impact supply towards the end of this year and 2015.

The emergence of El Nino in the second half of 2014 will further aggravate the supply situation in 2015.

"Whether El Nino will materialise in the next three to six months makes 2015 an interesting year to watch.

"With consecutive bad weather patterns in the last few years and the emerging El Nino, my view is that stock would likely remain low and below the long-term trend-line in the coming years.

"Owing to the dry weather, the looming palm oil supply tightness will be a key catalyst to an upward price movement in 2015. In fact, the price has spiralled up in March because of speculation of an emerging El Nino.

"However, plantation companies in Indonesia and Malaysia should generally fare better this year than in 2013, as we are already experiencing a price uplift by about 14% so far," adds Ling.

The Malaysian Meteorological Department's National Climate Centre director Jailon B. Simon says El Nino is expected to happen anytime from now to August, and may last through next year.

"Since April, almost every El Nino-Southern Oscillation indicators reflect a progression towards El Nino, and the chance of it happening increases as we move into the remainder of 2014.

"The impact may be felt by Malaysia towards the end of this year and first quarter of next year, but that would depend on the intensity. It will be more prominently felt in Sabah, northern Sarawak and the east coast states of the Peninsula.

"So, while the strength of this El Nino remains unknown, most climate forecast models are predicting a weak to moderate one," says Jailon.

He cautions, however, that a dry weather spell can still happen without El Nino coming into play.

This is especially so as different towns and cities in Malaysia have had record breaking numbers of consecutive days without rainfall this year, such as Batu Pahat, Johor (36 days); Butterworth, Penang (35 days); KLIA, Sepang (33 days); Kluang, Johor (65 days); Kuala Krai, Kelantan (59 days); Kuala Pilah, Negeri Sembilan (58 days) and Kuala Terengganu (45 days), among others.

Palm oil broker Loh Kin Kien, who has been in the industry for over 25 years, admits that it has been a "cry wolf" situation so far, with no signs of an El Nino phenomenon in Malaysia or Indonesia.

However, with Australia and the Philippines currently registering

relatively high temperatures, all reputable weather forecasters agree that there is a 70% probability of an El Nino occurrence, he says.

(The El Nino causes heat waves in Australia and South-East Asia and can bring excessive rainfall in the Americas, while La Nina is just the opposite).

"In any severe El Nino or La Nina scenario, palm oil (production) can be disrupted, resulting in a price spike and also an inverted market as nearby supplies tighten. Supply replenishment is vital, and if this is disrupted, a supply bottleneck is what you get, spiking prices up.

"So, until and unless El Nino hits, palm oil supply and stock will continue building up for the third quarter of this year, which should keep prices low.

"In fact, Malaysian palm oil production so far this year has been above our estimates; the first half has been 10% higher than the same period last year," says Loh, disagreeing with Ling's view earlier that our oil stocks have been low.

"Palm oil supply has been picking up compared to the last three years, which plateaued in the face of unfavourable weather. Also, there has been increases in the planted acreage (of oil palm) the past few years that would sufficiently offset a possible drop in (oil) yields later in the year."

Loh says that with supply building up, palm oil prices need to become more competitive and sold more aggressively to maintain market share. If it is not sold cheaper (than other competing oils), there will be excess in stocks which edible demand hasn't been able to absorb it all.

"So all this build-up will eventually pressure prices to levels where it can be burnt as fuel. I do not see much upside for palm oil this year, but a timely emergence of El Nino should provide a price bonus for next year's market."

**KERATAN AKHBAR  
THE SUN : MUKA SURAT 4  
TARIKH : 23 JUN 2014 (ISNIN)**

**STRONG WINDS,  
ROUGH SEAS**

**KUALA LUMPUR:** Strong south westerly winds and rough seas in the waters of Kedah, Perlis, Penang and Sabah (Kudat and west coast) have been forecasted to continue until Sunday. Winds of 40km to 50km per hour and waves of 3.5m are dangerous to small boats, sea sports and maritime activities, the Meteorological Department said yesterday. – Bernama

# Cari publisiti murah sbit

MB bidas kenyataan Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago

■ NURUL AINI MOHAMED ALI

**SHAH ALAM-** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membidas kenyataan Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago yang menyuarakan rasa bimbang dengan tahap keselamatan penggunaan air lombong yang risaukan bakal memberi kesan buruk pada kesihatan pengguna dan mendakwa kenyataan ahli parlimen itu hanya sekadar mencari publisiti murahan.

Beliau berkata, kenyataan Charles itu hanya mengundang spekulasi di kalangan rakyat kerana tidak disertakan dengan sebarang bukti.

"Kalau mahu buat kenyataan sekalipun, tunjuk sekalilah bukti, mesti disokong dengan kajian ilmiah dan profesional, boleh jadi YB (merujuk Charles) merasakan pakar-pakar di Malaysia, termasuk doktor-doktor dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kimia tidak sampai ke tahap yang dia rasa," katanya kepada media selepas merasmikan Laman Seni Seksyen 7, semalam.

Semalam, sebuah portal (bukan Sinar Harian) melaporkan Charles bimbang kandungan toksik logam dalam air bekas lombong yang disalurkan ke Sungai Selangor mungkin mencair ke tahap nisbah kepekatan logam berbahaya sekali gus tidak lagi selamat digunakan.

Menurutnya lagi, ujian yang dibuat kerajaan negeri mungkin menunjukkan penggunaan air dari bekas lombong itu tidak lagi selamat menjelang musim kemarau.

Dalam perkembangan berkaitan, kerajaan negeri sudah mengarahkan



Abdul Khalid bersama datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan (baju kuning) dihiburkan dengan persembahan angklung di Laman Seni, semalam.

Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) memanggil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pakar dari Singapura bagi membuat kajian lanjutan mengenai tahap kualiti air bekas lombong itu.

Menurutnya, pengumuman lanjut mengenai hasil kajian itu hanya akan didedahkan dalam tempoh dua minggu lagi bagi memberi peluang pakar-pakar di sana membuat kajian terperinci.

"Kita minta bantuan WHO dan Singapura memberi penerangan kerana negara itu menggunakan sumber air yang sama dengan bekas air lombong itu dan pihaknya yakin mereka mampu menilai.

"Walaupun ramai rakan politik tidak suka saya buat kerjasama dengan Singapura, tetapi kita anggap ini adalah merupakan usaha profesional semata-mata," katanya.

Beliau meminta semua pihak memberi peluang kepada Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunud Hairi membuktikan kemampuannya menguruskan perkara ini. Mengulas lanjut berhubung gangguan bekalan air di beberapa kawasan di negeri ini, Abdul Khalid berkata yang pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) masih lagi bertanggungjawab mengenai hal ini walaupun syarikat konsesi itu sudah menerima tawaran kerajaan negeri bagi mengambil alih pengurusan air Selangor.

Terdahulu, kira-kira 24 kawasan sekitar Hulu Langat dijangka terputus bekalan air atau tekanan rendah ekoran penurunan paras air di kolam utama yang mendapat bekalan dari Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih membabitkan 33,446 pengguna.

## M-dagang dijangka meningkatkan kukuh

PEMAJU aplikasi mudah alih, SME Cloud Sdn Bhd, yakin potensi pertumbuhan kukuh bagi penyelesaian perdagangan mudah alih (m-dagang) kerana kini hanya kira-kira 10 peratus daripada 600,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini yang menggunakan perisian sebagai satu perkhidmatan (SaaS) dalam perniagaan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Firdaus Ismail berkata, syarikatnya menasaskan untuk menguasai 40 peratus daripada pasaran sektor PKS di Malaysia menjelang 2017.

"M-dagang masih di peringkat awal walaupun kadar penggunaan telefon pintar telah mencapai 10 juta rakyat Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa 95 peratus daripada pengguna menggunakan telefon pintar untuk mendapatkan maklumat.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 61 peratus pengguna telah membuat panggilan perniagaan hasil daripada usaha carian tersebut manakala 59 peratus lagi telah pergi ke lokasi perniagaan yang dicari," katanya dalam siri pertama seminar setengah hari Program Penerapan Perkomputeran Awan

IKS 2014 yang dianjurkan bersama dengan Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), baru-baru ini.

Menurutnya, satu faktor penting hasil daripada kajian itu ialah seramai 57 peratus pengguna mengatakan mereka tidak akan mengesyorkan perniagaan yang tidak mempunyai laman sesawang mudah alih yang mesra pengguna, manakala 40 peratus pengguna telah beralih kepada laman sesawang pesaing selepas melayari laman sesawang mudah alih yang tidak mudah digunakan.

"Ini merupakan petunjuk penting dalam trend SaaS yang semakin meningkat dan PKS boleh meningkatkan kesedaran tentang produk dan perkhidmatan mereka dengan menggunakan inovasi teknologi terkini," katanya.

SME Cloud, sebuah syarikat inkubator di Inovasi Pusat Inkubator TPM, juga bekerjasama rapat dengan Multimedia Development Corporation Bhd di bawah program Perkhidmatan Perusahaan Perkongsian Awan Digital Malaysia dan agensi-agensi lain termasuk Perbadanan Usahawan Nasional Bhd.

## Activist group arrested at Lynas plant

### Himpunan Hijau's plan to disrupt operations hampered

**KUANTAN:** Himpunan Hijau's plan to disrupt the operations at the Lynas rare earth refinery failed after its leader Wong Tack and 15 other members were arrested while protesting in front of the plant.

The anti-Lynas group had converged outside the plant in Gebeng here yesterday with the intention of paralysing its operation by setting up a blockade there.

However, Kuantan OCPD Asst Comm Abdul Aziz Salleh informed Wong that the magistrate's court had issued an injunction barring the group from approaching within a 20m radius of the plant.

After Wong and hundreds of his

supporters were allowed past the roadblock some 2km away, they began marching towards the Lynas Advanced Materials Plant.

ACP Abdul Aziz then asked Wong for a sit down to discuss a solution with representatives from Lynas but

the meeting broke down about an hour later.

A scuffle broke out when the Himpunan Hijau protesters pushed their way past the police barricade, causing several of them to be arrested.

Wong and several protesters were arrested after they refused to disperse.

The Federal Reserve Unit was called in but the group gradually dispersed to assemble outside the Kuantan district police headquarters instead.

ACP Abdul Aziz said the 16 of them, including a foreign woman, were being investigated for illegal assembly and rioting.



# 16 aktivis Himpunan Hijau ditahan

Cuba rempuh sekatan polis, langgar perintah halang memasuki kawasan 20 meter dari kilang Lynas

■ NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN


KUANTAN - Polis menahan 16 aktivis Himpunan Hijau, termasuk pengerusinya Wong Tack dan seorang aktivis wanita warga asing, selepas kumpulan terbabit enggan mematuhi arahan supaya bersurai di depan kilang kontroversi nadir bumi milik Lynas Corporation di Gebeng dekat sini, semalam.

Mereka didakwa cuba merempuh sekatan polis secara kasar sehingga berlaku sedikit kekecohan.

Perhimpunan membatikan kira-kira 500 peserta dari beberapa NGO Anti Lynas itu bermula kira-kira 12.30 tengah hari menyebabkan laluan utama ke kilang itu lumpuh akibat dihalang kira-kira 100 kenderaan dan tayar.

Kumpulan terbabit mendesak dibenarkan masuk tanpa menghiraukan perintah mahkamah dikeluarkan bagi menghalang mereka berada kurang 20 meter dari kilang tersebut.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Superintendan Abdul Aziz Salleh berkata, polis bertolak-ansur dengan



Pengerusi Save Malaysia Stop Lynas (SMSL) Tan Bun Teet memberi kerjasama kepada pihak polis yang memeriksa keretanya.

mengajak mereka berbincang, namun perbincangan kira-kira sejam disertai polis, wakil Himpunan Hijau, termasuk enam wakil rakyat pembangkang dan pengurusan Lynas, gagal mencapai kata sepakat.

Menurutnya, polis memberi amaran supaya mereka bersurai dan tidak meneruskan perhimpunan itu

kerana ianya satu perhimpunan haram selepas perintah mahkamah dikeluarkan semalam.

"Mereka tidak menghiraukan arahan, sebaliknya cuba merempuh sekatan polis secara kasar sehingga berlaku sedikit kekecohan dan memaksa polis bertindak menahan beberapa orang daripada mereka.



Wong Tack ditemui Adun Teruntum, Sim Chon Siang, sebelum 15 yang lain ditahan kerana enggan bersurai.

"Kita bagi masa 10 minit kepada dia (Wong Tack) dan peserta lain supaya bersurai dan tidak meneruskan hasrat itu namun mereka berdegil, malah nekad duduk meneruskan bantahan," katanya ketika ditemui di lokasi perhimpunan itu semalam.

Abdul Aziz berkata, polis terpaksa menahan mereka untuk siasatan lanjut.

Bagaimanapun, keadaan berjaya dikawal apabila peserta mula bersurai kira-kira jam 5 petang.

"Dalam kekecohan itu, seorang peserta yang ditahan mengadu sesak nafas dan dihantar ke klinik bagi mendapatkan rawatan. Keadaannya tidak membimbangkan.

Mereka ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 143 Kanun Keseksan kerana menyertai perhimpunan haram dan Seksyen 147 Kanun Keseksan kerana merusuh sebelum dipertimbangkan pembebasan dengan jaminan.

Menurutnya, polis terpaksa bertindak tegas namun memadai bagi mengengkang kumpulan terbabit tanpa cuba melakukan kekerasan melampau.

"Kita bersiap sedia dengan ang-

gota mencukupi dari pelbagai unit, termasuk FRU, sejak awal pagi bagi menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Sementara itu, Wong Tack berkata, mereka nekad mengadakan bantahan mendesak kilang itu ditutup dengan segera setelah perjuangan mereka sebelum ini tidak dipedulikan.

Himpunan ini juga mendesak pihak Lynas mengemukakan laporan pengurusan sisa yang didakwa cuba disembunyikan kepada rakyat sedangkan bahan buangan itu didakwa berbahaya kepada kesihatan generasi akan datang.

"Hari ini kami berkumpul bukan sekadar atas nama Himpunan Hijau tetapi sebagai rakyat, ibu bapa dan warga yang sayangkan negara serta keluarga, terutama anak-anak.

"Kami nekad untuk meneruskan bantahan ini sehingga menteri terlibat dan pengurusan Lynas tampil bersemuka dan bersedia untuk menutup kilang ini.

"Saya cabar mereka minum air bancuhan sisa kilang kini jika benar dakwaan bahawa ianya selamat dan kami semua pun akan minum bersama" katanya.



Peserta nekad tidak berganjak dan duduk walaupun diberi amaran supaya bersurai dalam tempoh 10 minit.